

## KHUTBAH JUMAAT

### “IBADAH HAJI LAMBANG PERPADUAN UMMAH” (31 Mei 2024M/ 22 Zulkaedah 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْغَمِيدِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Hidup kita di dunia ini ibarat pelayaran di lautan yang luas. Setiap daripada kita adalah nakhoda yang mengemudi bahtera kehidupan menuju pelabuhan yang abadi. Dalam pelayaran ini, kita sering berhadapan dengan pelbagai badai dan gelombang ujian yang menguji keimanan dan ketabahan kita. Namun, dengan berpegang teguh kepada Islam yang bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah melalui huraian ulama yang muktabar, kita akan mampu mengharungi segala cabaran dengan tenang dan selamat.

Seperti burung yang bebas terbang di langit, kita juga mempunyai kebebasan untuk memilih jalan kehidupan kita. Tetapi, ingatlah, burung yang bijak akan sentiasa mencari tempat yang aman dan selamat untuk berteduh. Begitu juga dengan kita, sebagai hamba Allah yang beriman, kita hendaklah sentiasa mencari keredaan-Nya dan berlingung di bawah naungan rahmat-Nya sentiasa.

Hari ini, marilah kita menelusuri satu tema yang penting dalam kehidupan kita sebagai muslim, iaitu ***“Ibadah Haji Lambang Perpaduan Ummah”***. Tajuk ini akan menjadi obor yang menerangi perjalanan kita dan payung yang melindungi kita daripada panasnya fitnah dunia. Semoga dengan mendengar dan menghayati khutbah ini, kita akan lebih memahami makna sebenar kehidupan dan lebih dekat kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Kini, kita berada dalam musim ibadah haji. Umat Islam dari seluruh pelusuk dunia datang ke Makkah al-Mukarramah untuk menyahut seruan Nabi Ibrahim *alaihis salam* bagi menunaikan ibadah haji yang merupakan rukun Islam yang kelima. Kedatangan jemaah haji ke Makkah al-Mukarramah tanpa mengira jauhnya perjalanan yang mereka perlu tempuhi, banyaknya perbelanjaan yang perlu dibelanjakan, betapa payahnya kesusahan yang perlu ditanggung, adalah lambang ketaatan mereka kepada Allah *subhanahu wata'ala* dan Rasul-Nya *sallallahu alaihi wasallam* serta kesatuan ummah dan perpaduan dalam Islam.

Sesungguhnya, kesatuan ummah, atau perpaduan dalam kalangan setiap individu umat Islam, adalah asas yang amat penting dalam Islam. Umat yang bersatu padu adalah umat yang mesra dan muhibbah serta saling membantu antara satu sama lain, saling menyayangi, sentiasa menginginkan dan mendoakan kebaikan untuk saudaranya yang lain, prihatin kepada mereka yang

memerlukan bantuannya, sentiasa bersedia untuk memberi kemaafan atas kesalahan dan kesilapan orang lain kepada dirinya, sentiasa memandang kebaikan saudaranya, tegur-menegur, nasihat-menasihati dan ajak-mengajak kepada melakukan kebaikan.

Dalam erti kata yang lain, falsafah persaudaraan dan perpaduan dalam Islam laksana pelbagai bahagian yang berbeza pada tubuh badan kita. Apabila salah satu anggota sakit, maka pasti seluruh badan akan merasa sakit juga. Hal ini dipesan kepada kita oleh Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* melalui sabdanya:

« مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادِّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهَرِ وَالْحُمَّى »

**Maksudnya :** *Perumpamaan orang mukmin itu dari segi kasih-sayang, belas kasihan dan simpati sesama mereka adalah seperti satu jasad. Apabila salah satu anggota badannya merasa sakit, maka seluruh tubuh akan merasainya dengan berjaga malam dan demam.*

*(Hadis riwayat Imam Muslim)*

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Apabila kita melihat secara teliti kepada amal ibadah yang disyariatkan dalam Islam, maka kita akan dapati bahawa falsafah perpaduan atau kesatuan ummah ini antara unsur penting yang diterapkan dalam ibadat-ibadat itu. Hal ini dapat dilihat dengan jelas dalam kebanyakan ibadat yang disyariatkan, dan tidak terkecuali

ibadah haji. Dalam ibadah haji, penerapan falsafah perpaduan ummah ini dapat dilihat antaranya :

**Pertama:** Menghidupkan hakikat persaudaraan Islam dan menzahirkannya di alam realiti.

Islam telah menetapkan bahawa setiap orang Islam adalah saudara kepada orang Islam yang lain. Hakikat ini ditegaskan oleh Allah *subhanahu wata'ala* melalui firman-Nya dalam Surah al-Hujurat, ayat 10 :

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

**Maksudnya:** *Sesungguhnya orang yang beriman itu bersaudara, maka damaikanlah antara kedua-dua saudara kamu (yang bertelingkah) dan bertakwalah kepada Allah agar kamu mendapat rahmat.*

Dalam hal ini, perbezaan warna kulit, bahasa, budaya dan adat resam tidak menjadi halangan kepada hakikat persaudaraan ini. Bagi menjadikan ketetapan ilahi ini sebagai satu perkara yang benar-benar dapat dirasakan oleh semua penganut Islam di serata dunia, maka setiap umat Islam yang berkemampuan diwajibkan sekali seumur hidupnya berkumpul di satu tempat yang sama di Makkah al-Mukarramah dan kawasan di sekitarnya bagi menunaikan ibadah yang sama iaitu ibadah haji.

**Kedua:** Mendidik rasa persamaan antara sesama orang Islam.

Melalui ibadah haji, pelbagai faktor yang membezakan antara sesama manusia dan menyebabkan satu pihak merasa megah dan

tinggi berbanding dengan orang Islam yang lain akan dapat diubah atau diatasi.

Semasa berada di Arafah dan di Mina, sewaktu melontar Jamrah dan ketika tawaf serta sai, semuanya memakai pakaian yang sama warna dan rupanya, sehinggakan tiada kelihatan perbezaan antara yang kaya dengan yang miskin. Mereka semua berada dalam suasana limpahan rohani yang satu, iaitu keinginan untuk mendekati diri kepada Allah *subhanahu wata'ala* dan memperolehi keredhaan-Nya.

Inilah suasana yang cukup indah yang mengingatkan kepada permulaan manusia berada di dunia, iaitu sewaktu seseorang itu dilahirkan ke dunia oleh ibunya. Semuanya dalam keadaan yang sama, tiada beza antara mereka. Hal ini juga mengingatkan kepada hari akhirat sewaktu manusia berdiri di hadapan Allah *subhanahu wata'ala* dalam keadaan berkaki ayam, tidak berpakaian, tanpa pangkat dan kedudukan.

Malah akan subur pula rasa tawaduk dan sifat hormat kepada orang Islam yang lain tanpa mengira pangkat dan kedudukan, Firman Allah *subhanahu wata'ala* yang termaktub dalam surah al-Hijr, ayat 88 :

لَا تَمُدَّنَّ عَيْنَيْكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعْنَا بِهِ أَزْوَاجًا مِّنْهُمْ وَلَا تَحْزَنْ عَلَيْهِمْ وَاخْفِضْ  
جَنَاحَكَ لِلْمُؤْمِنِينَ (٨٨)

**Maksudnya** : *Janganlah sekali-kali kamu (wahai Muhammad) menunjukan pandanganmu (serta menaruh hati) kepada kenikmatan*

*hidup yang telah Kami berikan kepada beberapa golongan antara mereka (orang kafir itu). Dan jangan kamu bersedih hati terhadap mereka (kerana mereka tidak beriman dan tidak dapat menguatkan Islam sebagaimana yang kamu harapkan); sebaliknya merendahkan dirilah kamu terhadap orang yang beriman (sekalipun mereka golongan fakir miskin).*

**Ketiga:** Tempat pertemuan dan perhimpunan orang Islam.

Sesungguhnya, perpaduan dan kesatuan dalam kalangan umat ini dapat dibentuk dan diperkukuhkan melalui pertemuan dan perjumpaan yang berterusan antara sesama mereka. Melalui ibadah haji, perhimpunan raksasa umat Islam dari seluruh dunia akan dapat diadakan. Umat Islam yang datang dari seluruh dunia untuk menunaikan ibadah haji akan dapat berkenal-kenalan antara satu sama lain, yang seterusnya akan menguatkan dan memperkukuhkan lagi hubungan persaudaraan dan perpaduan antara umat Islam yang ada di seluruh dunia. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Hujurat, ayat 13 :

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ (١٣)

**Maksudnya :** *Wahai umat manusia, sesungguhnya Kami telah mencipta kamu daripada lelaki dan perempuan, kemudian Kami jadikan kamu pelbagai bangsa dan pelbagai suku, agar kamu saling berkenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain)! Sesungguhnya yang paling mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa, (bukan yang lebih keturunan atau*

*bangsanya). Sesungguhnya, Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya.*

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Kini, jelaslah kepada kita bahawa melalui ibadah haji itu, banyak peluang dan ruang untuk mengupayakan umat Islam ke arah kekuatan perpaduan dan persaudaraan. Oleh sebab itu, bagi mereka yang belum menunaikan ibadah haji, marilah kita menanamkan azam dan tekad untuk meluangkan masa dan mengumpul bekalan, bukan saja dalam bentuk wang ringgit untuk belanja, tetapi juga bekal ilmu pengetahuan yang berkaitan ibadah haji agar pada suatu hari nanti dapat terpilih untuk menjadi tetamu Allah *subhanahu wata'ala* di bumi suci Makkah al-Mukarramah.

Bagi yang telah pun menunaikan ibadah haji yang unggul ini, marilah kita bersama-sama menyegarkan kembali keinsafan dan kesungguhan kita dalam menyuburkan perpaduan dan persaudaraan Islam itu dalam diri kita khasnya dan masyarakat Islam amnya, kerana itulah antara matlamat besar Perhimpunan Raksasa yang dinamakan 'Haji' ini.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Sebelum mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama menghayati beberapa pengajaran penting daripada khutbah yang disampaikan, antaranya:

**Pertama:** Ibadah haji adalah manifestasi ketaatan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dan Rasul-Nya *sallallahu alaihi wasallam* serta kesatuan ummah dan perpaduan dalam Islam.

**Kedua:** Perpaduan atau kesatuan ummah adalah antara unsur penting yang diterapkan dalam pelaksanaan sesuatu amal ibadah.

**Ketiga:** Ibadah haji menyediakan banyak peluang dan ruang untuk mengupayakan umat Islam ke arah kekuatan perpaduan dan persaudaraan.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Aali Imran, ayat 97:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
فِيهِ آيَاتٌ بَيِّنَاتٌ مَّقَامُ إِبْرَاهِيمَ ۖ وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ آمِنًا ۗ وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ  
حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ۚ وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ

**Maksudnya :** *Di situ terdapat tanda-tanda yang jelas (yang menunjukkan kemuliaannya) Makam Ibrahim. Dan sesiapa yang memasukinya (Baitullah), dia akan berasa aman. Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu (bagi) orang yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (ingkarkan akan kewajipan ibadah haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajat sesuatu pun) daripada seluruh makhluk.*



بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Sebagai penutup khutbah kedua, marilah kita memperbanyakkan istighfar dan memohon keampunan daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* mengampuni segala dosa kita dan menerima segala amalan kita. Marilah kita juga berdoa untuk kebaikan umat Islam di seluruh dunia agar mereka sentiasa berada dalam lindungan dan rahmat Allah *subhanahu wata'ala*.

Khatib juga menyeru agar kita terus mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara

kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami dari gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ  
يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُؤْمِرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ  
أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.